



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

TEKS UCAPAN

**YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA SESI LIBAT URUS KOLABORASI ANTARA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP) DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN (KPKM) BERSAMA USAHAWAN SABAH**

**5 MAC 2024 (SELASA)
PROMENADE HOTEL, KOTA KINABALU, SABAH**

Saudara Pengacara Majlis,

Selamat Malam dan Salam Malaysia MADANI,

1. Saya menzahirkan rasa kesyukuran di atas limpah kurniaNya, maka kita dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Sesi Libat Urus Kolaborasi antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Usahawan Sabah.
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada KUSKOP di bawah kepimpinan YB Menteri, Datuk Ewon Benedick di atas kesudian untuk bekerjasama dengan KPKM bagi pelaksanaan sesi libat urus pada malam ini.
3. Dikesempatan ini juga, saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, saya percaya ada yang datang dari jauh dan besarlah harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan akan dapat balik dengan membawa kefahaman berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kedua-dua Kementerian dalam membantu masyarakat di Sabah terutamanya dalam aspek pertanian dan keusahawanan.

Hadirin yang dihormati,

4. Malam ini kita melakar sejarah kerana buat julung kalinya kita telah berjaya menganjurkan sesi libat urus merentasi Kementerian. Wadahnya, saya percaya untuk kita bangunkan negeri Sabah, untuk kita pacu ekonomi yang mensejahterakan rakyat, kita tidak boleh bekerja secara bersendirian umpama katak di bawah tempurung.
5. Sehubungan itu, saya bersama-sama YB Menteri KUSKOP telah duduk dan berbincang, apakah platform yang sesuai untuk kita himpulkan para pemimpin masyarakat, para usahawan serta para petani dan peladang bagi kita berkongsi berkenaan inisiatif-inisiatif kementerian yang menjurus kepada peluang yang dapat membantu memperkasakan ekonomi masyarakat Sabah.
6. Maka, lahirlah program pada malam ini yang merupakan manifestasi komitmen kedua-dua Kementerian dalam melaksanakan usaha yang berterusan bagi meningkatkan pendapatan golongan sasaran, seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi demi kesejahteraan rakyat di Sabah, khususnya.

Hadiri yang dihormati,

7. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin memperkenalkan pengarah-pengarah dan pegawai agensi KPKM yang berada di Sabah. Saya jemput mereka untuk kehadiran bagi memperkenalkan diri.

1. Puan Hadriyani binti Ahmad, Pengarah LPP Sabah;
2. Encik Mohd Jamil @ Jomiun bin Abdullah, Pengarah LKIM Sabah;
3. Datin Hajah Fauziah binti Datuk Seri Panglima Abu Bakar Titingan, Pengarah Agrobank Wilayah Sabah;
4. Encik Sarman bin Sidno, Pengarah FAMA Sabah;
5. Cik Helda binti Souki, Pengarah MARDI Sabah;
6. Puan Nurfaine binti Sameun, Pengarah IADA Kota Belud;
7. Encik Abdul Alim Multazam, Pengarah Kawalselia Padi dan Beras Sabah
8. Puan Rozia binti Mohd Idris, Penolong Pengawai Perikanan, Unit Biosekuriti Perikanan Sabah; dan
9. Puan Salmah binti Labulla, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja Negeri Sabah.

8. Saya percaya para pengarah dan pegawai KPKM yang berada di sini tidak lokek untuk menghulurkan bantuan serta nasihat kepada para usahawan yang berminat untuk menceburi bidang pertanian dan agromakanan.
9. Selaku peneraju transformasi sektor pertanian negara, KPKM menyasarkan pembangunan sektor ini untuk menjadi lebih moden, dinamik dan kompetitif ke arah memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, tersedia dan mampu dibeli oleh rakyat. Sabah memainkan peranan yang amat signifikan dalam usaha transformasi ini dan seterusnya menyumbang kepada pengeluaran produk agromakanan negara.
10. Dengan sejumlah hampir 505.6 ribu orang pekerja yang terlibat dalam sektor pertanian di negeri ini, saya melihat potensi yang amat besar untuk kita sama-sama terus membangunkan sektor ini selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0) dan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ) yang meletakkan sektor pertanian sebagai salah satu daripada sektor ekonomi utama.
11. Sehubungan itu, KPKM memberikan komitmen yang tinggi dalam membangunkan usahawan sektor pertanian dan pengeluaran makanan. Pelbagai program dan suntikan dana terus disalurkan ke arah melahirkan lebih ramai

usahawan tani yang berdaya maju dan kompetitif serta mampu menembusi pasaran eksport.

12. Secara umumnya antara inisiatif KPKM meliputi:
 - I. Geran Padanan Change Upgrade Product (CUP);
 - II. Geran Padanan High Impact Product (HIP);
 - III. Geran Agropreneur Muda;
 - IV. Dana pembiayaan di bawah Agrobank seperti Dana Pembiayaan Agromakanan dan Program Modenisasi Rantain Nilai Agromakanan (PMRNA); dan
 - V. Program Rezeki Tani.

13. Melalui pelbagai program dan suntikan dana, KPKM telah membantu usahawan meningkatkan pengeluaran, membuka ruang pasaran dan menggalakkan aktiviti pemodenan.

14. Saya percaya para hadirin akan mendapat pencerahan yang lebih mendalam akan diberikan sebentar lagi dalam sesi taklimat berkenaan fungsi dan peranan KPKM yang akan diberikan sebentar lagi. Selaras dengan tujuan utama penganjuran program pada hari ini, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan tidak segan silu dan mengambil peluang bertanya untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang inisiatif-inisiatif yang akan dibentangkan.

Hadirin yang dihormati,

15. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru agar semua pihak untuk bersatu dan bersama-sama kita berusaha dengan lebih erat untuk meningkatkan ekonomi Sabah. Untuk kita merealisasikan hasrat ini, sudah tiba masanya kita tolak perbezaan dan kita kukuhkan satu matlamat iaitu untuk membangunkan Sabah dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.
16. Bak kata pepatah, "Seperti padi menguning, melengkung menunduk, begitulah kita bersatu untuk mencapai kejayaan." Dengan sokongan dan usaha bersama, kita pasti dapat mencapai matlamat yang diimpikan untuk kesejahteraan rakyat Sabah.
17. Saya juga berharap majlis ini dilihat sebagai medium untuk mengeratkan hubungan silaturrahim, bertukar– tukar fikiran dan mengembangkan idea bagi mengenalpasti pendekatan yang lebih berkesan dalam merencanakan lagi sektor usahawan dan pertanian di Sabah.
18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menzahirkan jutaan terima kasih dan penghargaan sekali lagi kepada pihak KUSKOP dan seluruh warga kerja kedua-dua kementerian di Negeri Sabah yang telah menjayakan program ini.

Sekian dan terima kasih.